

UNTUK SIARAN SEGERA



PEJABAT MENTERI PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MURID YANG DITIKAM,
KPM BERI KERJASAMA PENUH DALAM SIASATAN**

Kementerian Pendidikan (KPM) merakamkan ucapan takziah kepada keluarga murid yang kematian kerana ditikam di sebuah sekolah di Selangor pada hari ini. Semoga keluarga diberikan kekuatan dan kesabaran dalam menghadapi ujian ini.

Sebuah jawatankuasa khas telah ditubuhkan bagi memastikan semua aspek terkait kes ini dapat disiasat secara tuntas, telus dan adil.

Kes ini sedang berada dalam siasatan pihak berkuasa. Suspek telah ditahan polis. KPM akan berkerjasama penuh dalam proses siasatan yang sedang berjalan.

Pasukan kaunselor dan Guru Bimbingan dan Kaunseling telah digerakkan untuk melaksanakan intervensi sokongan psikososial kepada murid, guru dan seluruh warga sekolah tersebut.

TAMAT

**YB FADHLINA SIDEK
MENTERI PENDIDIKAN
14 OKTOBER 2025**